

SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG MENGENAI  
RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019  
BIL.4 TAHUN 2019

10 NOVEMBER 2019 (AHAD)

BILIK KEDAH, ARAS 2, BLOK A  
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
KOTA KINABALU, SABAH

NO : 1

NAMA PEMBENTANG

SAC DATUK JAUTEH BIN DIKUN

PERSATUAN / PERTUBUHAN / INDIVIDU

PDRM BAHAGIAN X



## **Aduan terhadap pasukan polis**

24. (1) Apa-apa **aduan** yang dibuat oleh mana-mana orang terhadap pasukan polis atau anggota pasukan polis hendaklah dibuat secara bertulis dan ditujukan kepada Jawatankuasa Aduan.

---

Saya ingin YBH Tuan Pengerusi mencatatkan dalam nota pendengaran hari ini bantahan saya terhadap kandungan seksyen 24 (1) yang menyatakan bahawa:-

**Pertama:-** Perenggan kecil ini terlalu ringkas dan tak jelas, ia hanya menyatakan:- **aduan yang dibuat terhadap anggota pasukan polis hendaklah dibuat secara bertulis**

**Kedua:-** Adalah difahamkan bahawa cadangan telah dibuat untuk meminda seksyen 24 (1) bill ini, dimana telah dicadangkan supaya cara pengaduan lain seperti sms, whatsapp, surat layang dll **pun boleh diterima.**

Disini saya ingin menjelaskan sebab saya membantah kandungan seksyen ini dan pindaan tambahan yang telah dicadangkan.

1. Kandungan seksyen ini sekarang hanya menetapkan supaya **aduan hendaklah dibuat secara bertulis** adalah **amat tidak memadai.**
2. Perkataan yang jelas dan berpatutan hendaklah dimasukkan didalam seksyen 24(1) ini. Antaranya adalah:-
  - i. **Aduan** hendaklah dibuat **secara bertulis** dan hendaklah dibacakan kembali kepada pengadu dan **ditanda tangani olehnya** setelah disahkan olehnya sebagai betul
  - ii. **Aduan** berkenaan hendaklah **dicatatkan dalam buku laporan** dan **dicatitkan** dengan lengkap **Tarikh, masa aduan dibuat, identity penuh** serta alamat pengadu
  - iii. **Identiti penerima aduan** juga hendaklah dicatitkan dalam buku aduan

**Mengapa** butiran diatas perlu dimasukkan dalam seksyen ini?

**Jawapnya** adalah:- **untuk memberi keadilan** kepada anggota polis yang dituduh atas sesuatu kesalahan yang dikatakan telah dilakukan olehnya. **OYD perlu tahu siapa mangsa/pengadu, apa jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat** dimana

kesalahan yang dikatakan telah dilakukan olehnya supaya dia boleh menjawab dan menjelaskan tuduhan keatasnya.

Jika perkara-perkara diatas tidak dimasukkan maka, sudah pasti **pegawai dan anggota polis akan dijadikan sebagai mangsa dengan senang** tambahan lagi di zaman teknologi tinggi sekarang, beribu-ribu aduan boleh dibuat melalui surat layang, diviralkan melalui media eletronik.

Dari pengalaman kerja saya selama 37 tahun, saya dapati bahawa semakin dedikasi dan rajin seorang pegawai polis berkerja maka semakin banyak tohmahan dan aduan dibuat keatasnya, kerana dengan kerajinanya lebih banyak kes diselesaikan, lebih ramai pesalah ditangkap dan dihukum, denda atau pun penjara, dikenakan perintah sekatan, sebatan dan sebagainya.

Semuanya akan menyebabkan OKT, rakan sejenayahnya, ahli keluarga serta orang-orang yang bersimpati denganya marah dan dengan mudahnya menggunakan kelonggaran seksyen 24(1) ini untuk **menginyanya** pegawai/anggota polis yang dedikasi ini. Walaupun mungkin selepas siasatan, didapati tiada kesalahan dilakukan oleh pegawai polis berkenaan, aduan dan siasatan yang dibuat ini telah menyebabkan tekanan dan trauma, menjatuhkan semangat serta memberi kesan yang amat buruk keatas kerjaya pegawai berkenaan.

**Seterusnya;** Jika pindaan baru dibuat kepada s. 24(1) ini- yang membolehkan laporan dibuat tanpa aduan bertulis, samaada melalui FB, Weechat, Whatsapp dd. Ini pastinya akan menambah parahkan lagi ketidak adilan yang berlaku.

Pengadu hendaklah **berani memperkenalkan dirinya** secara penuh dan menanda tangani aduan yang dibuat olehnya. Jika aduan yang dibuat olehnya adalah benar dan jujur. Pengadu tidak boleh buang batu dan sembunyikan tanganya, dia perlu bersedia menerima risiko diambil tindakan kerana membuat laporan palsu.

Jika identity pengadu tidak diketahui, bagaimana pegawai Suruhanjaya dapat mengesan dan mendapatkan keterangan dari pengadu? Merujuk juga kepada seksyen 28(3) Bill ini. Iaitu berkaitan pemakluman kepada pengadu: Jika identity lengkap dan alat tidak diketahui, bagaimana pengadu dapat dimaklumkan?

**Peruntukan didalam seksyen 107 KPJ :-** Boleh disalin dengan sepenuhnya kedalam seksyen 24(1) Bill ini. Seksyen 107 KPJ ini menyatakan dengan jelas mekanisma dan keperluan berkaitan aduan polis yang dibuat boleh diikuti. KPJ adalah satu akta yang utuh yang di pinjam dari British dan India, berusia ratusan tahun dan sudah terbukti lengkap dan adil.

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009: Satu akta yang khusus untuk menyiasat perbuatan Rasuah dan salah laku, **satu akta yang melibatkan penyiasatan secara sulit, di** Seksyen 29 juga memperuntukan supaya pengadu menanda tangani laporan yang dibuatnya.

---


Petikan dari Kanun Prosedur Jenayah

**Maklumat berkaitan kesalahan 107.**

(1) Every **information** relating to the **commission of an offence**, if given orally to an officer in charge of a police station, **shall be reduced to writing by him or under his direction and be read over to the informant.**

(2) Every such information **shall be entered in a book to be kept by that officer**, who shall append to such entry the date and hour on which that information was given, and whether **given in writing or reduced to writing as aforesaid shall be signed by the person giving it.**

(3) . (b) **A police officer receiving such information under paragraph (a) where practicable shall record or cause to be recorded the name and address of the informant, the date and time of the receipt of such information**, and shall convey such information to an officer in charge of a police station or any police officer whose duty is to receive such information. (c) such information shall be reduced to writing and entered in a book in accordance with subsections (1) and (2) **and shall subsequently be signed by the person who gave the information.**

  
Ace Tan Boon Jeng  
T/16385 (S/O)  
Sabah.